

No. Ruj : USMJPBPSM (aspiran) 9/3 JLD V
Tarikh : 30 Mei 2023
Kepada : Semua Staf Akademik
Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Institut/Unit
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan

Bangunan Canselor
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN JABATAN PENDAFTAR BIL. 27 TAHUN 2023

- PENGEMASKINIAN DATA PENERBITAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah mengambil inisiatif untuk memantapkan pengurusan data penerbitan melalui pembangunan sistem e-Publication yang berfungsi sebagai pangkalan data utama maklumat penerbitan Universiti. Sistem ini dibangunkan bagi menyokong hasrat Universiti untuk memastikan data penerbitan yang telah dihasilkan oleh staf akademik dapat digunakan bagi tujuan kemajuan kerjaya, Sasaran Kerja Tahunan (SKT)/Laporan Penilaian Prestasi (LPP), audit Universiti dan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

3. Sehubungan itu, pengemaskinian data penerbitan akan diuruskan seperti berikut:

- i) Semua penerbitan dalam jurnal berindeks (Scopus dan Web of Science) akan dicerap secara automatik oleh sistem e-Publication secara berkala pada setiap bulan. Staf akademik boleh membuat semakan terhadap data yang telah dicerap mulai **1 Jun 2023** melalui portal CampusOnline USM di bawah aplikasi e-Publication.
- ii) Bagi penerbitan selain jurnal berindeks (Scopus dan Web of Science), staf akademik perlu memasukkan data berkenaan di sistem e-Publication. Data tersebut akan disemak dan disahkan oleh pihak Perpustakaan dan Penerbit USM.
- iii) Fungsi kemas kini data penerbitan (M1) di HCMSv3 akan ditutup mulai tarikh yang sama iaitu 1 Jun 2023. Data yang dimasukkan ke HCMSv3 sehingga 31 Mei 2023 akan disemak dan disahkan oleh pihak Perpustakaan dan Penerbit USM untuk memastikan ketepatan data dan memenuhi standard pelaporan hasil kerja penerbitan seperti yang ditetapkan. Paparan maklumat penerbitan yang dikemas kini di HCMSv3 sehingga 31 Mei 2023 akan dikekalkan paparannya untuk tujuan rujukan.
- iv) Pihak Perpustakaan dan Penerbit USM juga telah mulakan proses pemindahan data (*data transfer*) dan pembersihan data (*data cleaning*) bagi data penerbitan sedia ada di HCMSv3 secara berperingkat. Proses ini bertujuan untuk memantapkan rekod hasil penerbitan staf akademik sebagai rujukan dan kegunaan Universiti pada masa hadapan.
- v) Manual pengisian data boleh dirujuk melalui sistem e-Publication. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pengemaskinian data, tuan/puan boleh salurkan melalui menu *Ticket* yang terdapat di sistem e-Publication.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

HEBAHAN JABATAN PENDAFTAR BIL. 27 TAHUN 2023

- **PENGEMASKINIAN DATA PENERBITAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI**

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIEFF)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Penerbit USM

Penyelaras, Kemajuan Kerjaya Staf Akademik USM